
MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL (TTAC)

Ruj. : MBOT.01.600-1/7/5/03.04 (05)
Tarikh : 8 Mac 2018

SEPERTI EDARAN/E-MAIL

Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Prof./ Ts./ Ir./ Dr / Tuan / Puan

PERALIHAN PROSES AKREDITASI PROGRAM TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat siaran Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) bertarikh 5 Oktober 2017 dengan nombor rujukan MBOT.01.600-1/7/503.04 (03) serta sesi taklimat dalam Majlis MBOT *Technology and Technical Accreditation Summit 2017* yang telah diadakan di Le Méridien pada 14 Disember 2017 adalah berkaitan.

2. Pihak MBOT ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas kesudian Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Prof./ Ts./ Ir./ Dr / Tuan / Puan meluangkan masa untuk ke Majlis MBOT *Technology and Technical Accreditation Summit 2017* yang telah diadakan pada 14 Disember 2017 yang lalu.
3. Sehubungan dengan itu, pihak TTAS ingin menjemput pihak Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Prof./ Ts./ Ir./ Dr/ Tuan untuk menghantar dokumen **program akademik Tahap 4 (Diploma), Tahap 5 (Diploma Lanjutan) dan Tahap 6 (Sarjana Muda)** di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) dalam bidang teknologi dan teknikal yang berkaitan untuk penilaian akreditasi di bawah MBOT, sekaligus menaiktaraf program-program tersebut kepada program profesional.
4. Bagi Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang telah diberi status keistimewaan Swa-Akreditasi MQA oleh MBOT, proses penilaian akreditasi adalah seperti sedia ada namun tertakluk kepada penilaian berkala Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan MBOT dari semasa ke semasa. Pihak PPT yang telah diberi keistimewaan Swa-Akreditasi MQA oleh MBOT perlu menyerahkan satu (1) salinan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA) MQA kesemua program-program bidang teknologi dan teknikal bagi tujuan rekod MBOT dan penentuan tempoh akreditasi seterusnya yang akan dimaklumkan oleh MBOT.
5. Bagi tujuan tersebut, pihak MBOT telah menetapkan kos pentadbiran sebanyak RM 100.00 (per program) bagi PPT yang mempunyai kurang daripada 50 program, RM 90.00 (per program) bagi 50 hingga 100 program dan RM 80.00 (per program) bagi lebih daripada 100

program. Pembayaran boleh dibuat ke Akaun Bank Islam (no. akaun: 16018010028396) atas nama Lembaga Teknologis Malaysia. Pihak PPT boleh merujuk kepada Lampiran 1 bagi setiap proses penilaian akreditasi PPT yang telah diberi keistimewaan Swa-Akreditasi MQA oleh MBOT.

6. Semoga pemakluman ini mendapat maklum balas positif daripada pihak Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Prof./ Ts./ Ir./ Dr / Tuan / Puan. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Prof./ Ts./ Ir./ Dr / Tuan / Puan boleh menghubungi Y.Bhg Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed, Pengarah TTAS MBOT (m.rusllim@mbot.org.my). Perhatian dan kerjasama Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Prof./ Ts./ Ir./ Dr/ Tuan / Puan mengenai perkara ini amat dihargai.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(PROF. DATO' Ts. DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS)

Pengerusi

Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal
Lembaga Teknologis Malaysia

s.k : Pendaftar MBOT

: Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

: Pengarah TTAS

: Fail




PROSES PERALIHAN AKREDITASI MQA KEPADA MBOT

Berikut merupakan proses akreditasi bagi :

i) PPT yang telah mendapat akreditasi sementara daripada MQA dan ingin membuat permohonan Akreditasi Penuh bersama MBOT. Atau ;

ii) PPT yang telah mendapat Akreditasi Penuh dari MQA dan memilih MBOT untuk cycle akreditasi seterusnya



PROSES AKREDITASI SEMENTARA / PENUH

Berikut merupakan proses akreditasi bagi PPT yang belum mendapat akreditasi :

